



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGATURCARAAN
KOMPUTER

KOD MATA PELAJARAN : DIT 1023

KURSUS : 1 DIT

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab di dalam borang **OMR**.

S1 Di antara beberapa keperluan aturcara berikut, yang manakah diperlukan dalam analisa masalah?

- i. Input
- ii. Output
- iii. Kod pseudo
- iv. Proses

- A. i, ii, iii
- B. ii, i, iv
- C. iii, ii, iv
- D. i, iv, ii, iii

S2 Apakah jenis ralat yang akan berlaku jika pengaturcara tidak mematuhi peraturan atau tatabahasa bagi bahasa pengaturcaraan tertentu?

- A. Ralat penyahpepijat (*debugging error*)
- B. Ralat logic (*logic error*)
- C. Ralat aritmetik (*arithmetics error*)
- D. Ralat sintaks (*syntax error*)

S3 Syarat yang perlu diketahui berkaitan perkataan rizab ialah _____.

- A. nama pencam boleh digunakan sebagai perkataan rizab
- B. perkataan rizab mesti ditaip dalam huruf kecil kerana ia bersifat *case-sensitive*
- C. perkataan rizab boleh terdiri daripada huruf dan nombor
- D. perkataan rizab boleh direka sendiri oleh pengaturcara

S4 Kesemua fungsi berikut merupakan fungsi-fungsi yang boleh dicapai melalui fail kepala `stdio.h` dari perpustakaan piawai **KECUALI** _____.

- A. `printf()`
- B. `scanf()`
- C. `sqrt()`
- D. `fflush()`

- S5 Arahan prapemproses #include <fail kepala> adalah _____.
- A. arahan untuk memanggil fungsi daripada perpustakaan piawai
 - B. arahan untuk menakrifkan nama fungsi dari perpustakaan takrifan pengguna
 - C. arahan untuk mengisytiharkan pemalar
 - D. arahan untuk memanggil fail daripada perpustakaan takrifan pengguna
- S6 Antara yang berikut, yang manakah **BUKAN** pencam yang sah?
- A. bil-markah
 - B. GRAM 1000
 - C. purata_masa
 - D. ujian_1
- S7 Aksara merupakan perwakilan perkataan yang diwakili oleh kata kunci _____.
- A. int
 - B. long int
 - C. char
 - D. float
- S8 Fungsi gets () merupakan _____.
- A. Pernyataan output untuk memaparkan rentetan aksara
 - B. Pernyataan input untuk membaca hanya satu aksara sahaja
 - C. Pernyataan output untuk memaparkan hanya satu aksara sahaja
 - D. Pernyataan input untuk membaca rentetan aksara
- S9 Antara berikut, yang manakah **BUKAN** aksara \ (*Escape*) yang sah?
- A. \c
 - B. \\
 - C. \v
 - D. \r

- S10 Ungkapan aritmetik di dalam C adalah _____.
- melibatkan penggunaan operator aritmetik
 - terdiri daripada operator hubungan dan operator kesamaan
 - terdiri daripada operator unari dan operator binari
 - mbolehkan pengaturcara membina ungkapan yang lebih kompleks
- i, ii, iii
 - i, iii, iv
 - ii, iii, iv
 - i, ii, iv
- S11 Contoh ungkapan aturcara C dengan operator binari ialah _____.
- `a++;`
 - `-c;`
 - `b/=5;`
 - `a-10 = a;`
- S12 Penyataan `if` satu pilihan digunakan bagi menguji penyataan berikut **KECUALI** _____.
- jika pengujian benar, satu atau sekumpulan penyataan akan dilaksanakan
 - untuk melaksanakan arahan bagi satu pengujian sahaja
 - akan menyebabkan salah satu kumpulan penyataan akan dilaksanakan
 - jika pengujian salah, penyataan tidak akan dilaksanakan
- S13 Antara berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan jenis kawalan ulangan?
- `do..while`
 - `for`
 - `while`
 - `switch..case`
- S14 **SATU (1)** kegunaan penyataan `continue` ialah _____.
- mbolehkan kawalan gelung ke penyataan seterusnya
 - untuk keluar dari arahan gelung
 - tanda kawalan aturcara ke label seterusnya
 - mbolehkan gelung berhenti

- S15 Kebaikan fungsi di dalam C adalah _____.
- struktur aturcara lebih mudah difahami
 - mudah dibetulkan dan diubahsuai
 - modul boleh diguna semula
 - sintaks masalah lebih mudah
- A. i, ii, iv
B. i, iii, iv
C. ii, iii, iv
D. i, ii, iii
- S16 Antara berikut yang mana pernyataan **BENAR** mengenai pembolehubah setempat?
- A. Diisytiharkan selepas arahan pra-pemprosesan
B. Diisytiharkan di dalam sesebuah fungsi
C. Diisytiharkan sebelum arahan pra-pemprosesan
D. Diisytiharkan di luar fungsi dalam aturcara
- S17 Tatasusunan juga dikenali sebagai _____.
- A. struktur data dinamik
B. struktur data mudah
C. struktur data dimensi
D. struktur data statik
- S18 Kelemahan pengisytiharan tatasusunan dengan cara memberikan saiz kepada tatasusunan adalah _____.
- A. data-data tatasusunan tidak boleh ditambah
B. berlaku kes pembaziran ruang
C. ada data yang tercicir atau limpahan atas
D. saiz data perlu dicipta dan terhad
- S19 Berikut merupakan operasi tatasusunan **KECUALI** _____?
- A. Umpukan data
B. Capaian data
C. Bacaan data
D. Cetakan data

S20 Contoh penggunaan pernyataan return dalam fungsi takrifan pengguna yang dapat memulangkan nilai ialah _____.

- A. return jumlah;
- B. return;
- C. return [jumlah];
- D. return 0;

(20 markah)

BAHAGIAN B

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

S21 Tuliskan pernyataan C bagi memenuhi setiap soalan berikut:

- (a) Isytiharkan pembolehubah z , x , dan y dengan jenis data nombor perpuluhan. (2 markah)
- (b) Umpukan jumlah x dan y ke dalam z dan penambahan nilai 1 kepada x selepas pengiraan. (2 markah)
- (c) Darabkan pembolehubah `produk` dengan 2 menggunakan operator `*=`. (2 markah)
- (d) Isytiharkan tatasusunan `masa` bersaiz tiga (3) dan jenis data adalah `integer`. (2 markah)
- (e) Uji jika nilai pembolehubah `kira` adalah lebih besar daripada 10. Jika benar, cetak "Kira adalah lebih besar daripada 10". (2 markah)
- (f) Penolakan nilai 1 berlaku daripada pembolehubah x , kemudian penambahan nilai x kepada pembolehubah `jumlah`. (2 markah)
- (g) Tolakkan pembolehubah x daripada pembolehubah `jumlah`, kemudian penambahan nilai 1 berlaku kepada x . (2 markah)
- (h) Dapatkan nilai baki selepas `q` dibahagikan dengan pembahagi dan umpukan keputusan ke `q`. (2 markah)
- (i) Cetakkan nilai 123.4567 dengan dua (2) tempat titik perpuluhan. (2 markah)
- (j) Cetakkan nilai titik perpuluhan 3.4567 dengan tiga (3) tempat titik perpuluhan. (2 markah)

S22 Ubahsuaikan kod C selepas mengenalpasti ralat-ralat bagi setiap keratan aturcara berikut:

- (a)

```
While (c<=5) {
    C = 0;
    Produk += c
    ++C;
```

 (5 markah)

```
(b) if (gender == 1);{  
    Printf ("Wanita\n");  
else if  
    printf ("Lelaki\n");
```

(5 markah)

```
(c) int n;  
switch (n){  
    case 1:  
        printf("Nombor 1\n")  
    case a:  
        printf("Nombor 2\n");  
        break;  
    default printf("Nombor bukan 1 atau 2\n");  
        break }
```

(5 markah)

BAHAGIAN C

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

S23 Hasilkan satu aturcara untuk mengira jumlah nombor bulat dari 1 hingga 10. Aturcara perlu menggunakan penyataan `while` untuk pengulangan penyataan pengiraan dan penambahan. Gelung akan berhenti apabila nilai `x` adalah 11.

- (a) Tentukan analisis masalah iaitu Input, Proses dan Output. (10 markah)
- (b) Tuliskan kod pseudo berdasarkan S23(a). (15 markah)
- (c) Tuliskan aturcara C berdasarkan S23(b). (20 markah)